

AMALAN PERAKAUNAN DI KALANGAN PERNIAGAAN KECIL DI JENGA

Sharifah Norhafiza bt Syed Ibrahim
 Fakulti Perakaunan, Universiti Teknologi MARA Pahang
snorhafiza@pahang.uitm.edu.my

ABSTRAK

Amalan perakaunan yang baik sangat penting untuk memastikan semua urusan direkod dengan betul dan lengkap. Melaluinya, prestasi dan kedudukan kewangan sesebuah entiti perniagaan akan dapat diukur dengan tepat. Umumnya, perakaunan sangat relevan dan penting kepada syarikat kerana syarikat tertakluk kepada Akta Syarikat 1965 di mana laporan tahunan yang telah diaudit perlu dihantar kepada Suruhanjaya Syarikat sekurang-kurangnya sebulan selepas tarikh mesyuarat agung tahunan. Selain untuk memenuhi keperluan akta, amalan perakaunan yang baik sangat berfaedah kepada semua entiti perniagaan termasuk perniagaan-perniagaan kecil. Ia akan membantu pemilik perniagaan menguruskan inventori dengan lebih baik, memantau dan mengelakkan penyelewengan, pengawalan perbelanjaan dan lain-lain lagi. Kertas kerja ini bertujuan untuk mengenalpasti penggunaan perakaunan di kalangan perniagaan kecil di sekitar Jengka. Borang kajiselidik yang mengandungi tiga bahagian utama; demografi, amalan-amalan perakaunan dan pandangan terhadap perakaunan diedarkan kepada peserta Kursus Kemahiran Perakaunan Secara Praktikal. Kemudian amalan perakaunan ini dibandingkan dengan ciri-ciri sistem perakaunan yang baik dan sesuai untuk perniagaan kecil. Hasil kajiselidik menunjukkan penggunaan sistem perakaunan yang lengkap di kalangan perniagaan kecil masih pada tahap minima. Walaubagaimanapun, pandangan mereka terhadap perakaunan adalah positif dan menggalakkan. Hasil kertas kerja ini akan memberikan input yang berguna kepada pihak UiTM, khususnya Fakulti Perakaunan Cawangan Pahang dalam merangka dan menganjurkan kursus-kursus yang berkaitan kepada penduduk setempat di masa hadapan.

PENGENALAN

Umumnya, perakaunan lebih banyak dikaitkan dengan entiti-entiti perniagaan yang ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 1965 seperti syarikat persendirian dan awam. Syarikat-syarikat ini perlu mempunyai sistem perakaunan yang baik dan lengkap untuk memenuhi keperluan akta seperti menyediakan laporan tahunan. Laporan tahunan ini antaranya mengandungi penyata kewangan yang perlu diaudit dahulu sebelum dihantar kepada Suruhanjaya Syarikat Malaysia (s165, Companies Act 1965 (amended 1999)) sekurang-kurangnya sebulan selepas mesyuarat agung tahunan syarikat diadakan. Ini tidak menjadi masalah kepada pengurusan syarikat kerana mereka selalunya mampu menggaji para akauntan profesional, paling kurang pun eksekutif akaun yang berkelayakan. Tambahan pula juruaudit luaran mereka akan sentiasa memantau amalan perakaunan syarikat untuk memastikan ia mengikut 'approved accounting standards' yang ditetapkan oleh Malaysian Accounting Standard Boards dan International Accounting Standard Committee. Manakala perniagaan kecil pula lebih banyak bergantung kepada perisian sistem maklumat perakaunan untuk merekod urusan dan penyediaan penyata kewangan mereka (Thong, Yap, & Raman 1996; Welsh & White 1981).

Bagi kebanyakan perniagaan persendirian terutamanya perniagaan yang kecil, perakaunan adalah satu perkara yang asing. Mengikut kajiselidik yang dilakukan oleh QuickBooks di Amerika Syarikat pada tahun lepas menunjukkan satu pertiga daripada responden mengatakan perakaunan adalah satu perkara yang sangat rumit dan menyusahkan dalam menguruskan perniagaan mereka. Walaupun kajian terhadap amalan perakaunan lebih banyak tertumpu kepada syarikat-syarikat korporat yang besar, perniagaan kecil memainkan peranan yang penting dalam ekonomi sebuah negara. Daripada syarikat IT kepada industri 'franchise' dan jualan langsung, perniagaan kecil kekal sebagai entiti perniagaan yang penting di Amerika Syarikat dan di banyak negara lain (Holmes & Nicholas 1988; Norwell 1998). Pemilik perniagaan kecil mungkin tertanya-tanya mengapa mereka perlu menggunakan sistem perakaunan sedangkan perniagaan tidak ditubuhkan di bawah mana-mana akta dan tidak mempunyai entiti undang-undang yang berbeza daripada pemiliknya. Ia juga tidak menikmati liabiliti yang terhad dan tiada hak untuk mempunyai jangkahayat yang kekal. Pendek kata, pemiliknya yang akan menanggung semua risiko perniagaan. Tujuan penggunaan perakaunan akan dapat dijelaskan melalui definisi perakaunan.

Terdapat beberapa definisi perakaunan yang digunapakai oleh badan-badan profesional perakaunan. Salah satu daripada definisi yang banyak digunakan dalam buku-buku perakaunan adalah definisi oleh American

Accounting Association (AAA). AAA telah mendefinisi perakaunan sebagai 'the process of identifying, measuring and communicating economic information to permit informed judgments and decisions by users of the information'. Perakaunan adalah satu kaedah untuk mengenalpasti dan mengukur aktiviti-aktiviti ekonomi. Maklumat kewangan ini kemudiannya disalurkan kepada pengguna-pengguna untuk membantu mereka membuat keputusan yang lebih tepat. Dalam konteks perniagaan kecil, pemiliknya adalah pengguna yang dimaksudkan. Perakaunan adalah dinamik. Kaedah perakaunan yang melibatkan penyediaan laporan kewangan akan berubah mengikut keperluan semasa iaitu ia akan disesuaikan dengan apa yang perlu diukur, iaitu aktiviti-aktiviti ekonomi yang bergantung kepada banyak faktor seperti keadaan politik, sosio dan ekonomi sesebuah negara.

Tidak banyak pihak yang menanggung risiko sesebuah perniagaan kecil. Mungkin risiko hanya ditanggung oleh pemilik dan keluarganya yang mengeluarkan modal untuk membiayai perniagaan tersebut. Oleh itu, tidak banyak pihak yang memerlukan penyata kewangannya. Walaupun perniagaan kecil tidak perlu melaporkan kedudukan kewangan dan prestasi perniagaannya kepada pihak luar, perakaunan adalah penting untuk menentukan kejayaan sesebuah perniagaan. Sebagai satu disiplin yang berkaitan dengan pengukuran aktiviti perniagaan dalam nilai matawang atau pengiraan wang, ia sangat relevan dalam dunia perniagaan. Ini disebabkan oleh setiap individu yang berniaga mempunyai satu tujuan yang sama iaitu untuk mengaut keuntungan. Bagaimana untuk mengira keuntungan ini dengan tepat sekiranya ia tidak menggunakan satu kaedah yang lengkap seperti perakaunan? Sistem perakaunan yang baik akan membantu pemilik perniagaan mengira keuntungan atau kerugian dengan tepat.

Keuntungan yang dikira dengan tepat dapat dijadikan asas dalam memajukan perniagaan terbabit. Kegiatan perniagaan yang menguntungkan dapat dikenalpasti. Hasil perniagaan seterusnya dapat dilaburkan dalam aktiviti-aktiviti perniagaan yang akan menjana lebih banyak perolehan seperti daripada barangan yang pelbagai dan berkualiti. Ini akan meningkatkan lagi daya saing sesebuah perniagaan. Kerugian pula jika tidak diukur dengan tepat akan menyebabkan peniaga tidak menyedari tahap sebenar kerugian mereka. Mungkin mereka akan merasakan tahap kerugiannya masih rendah, sedangkan kerugian sebenar adalah jauh lebih besar. Langkah-langkah untuk memperbaiki prestasi perniagaan mungkin lambat diambil dan akhirnya mungkin perniagaan ini akan mengalami masalah kewangan yang teruk dan mungkin terpaksa ditutup.

Memiliki dan menjalankan perniagaan kecil adalah satu perkara yang menguntungkan tetapi ia bukanlah mudah. Mengikut kaji selidik oleh U.S. Small Business Administration dalam tahun 1994 seperti yang dilaporkan dalam artikel bertajuk 'The Best Home Businesses For The 90's', antara faktor-faktor yang menyebabkan sesebuah perniagaan kecil gagal adalah tiada perancangan perniagaan, modal awal yang tidak cukup, modal terikat dalam bentuk aset-aset tetap, rekod kewangan yang tidak lengkap dan pengurusan stok yang tidak cekap. Mengikut kajian yang dibuat oleh CPA (Australia) dalam bulan Ogos 2003 pula kebanyakan perniagaan kecil di Australia tidak menyedari risiko perniagaan yang mereka hadapi. Ini menyebabkan mereka tidak dapat mengawal dan menguruskan risiko perniagaan yang menyumbang kepada kegagalan perniagaan mereka. Faktor-faktor ini dapat dielakkan sekiranya satu sistem perakaunan yang baik dan lengkap digunakan oleh para usahawan dalam menguruskan perniagaan mereka.

Pemilik perniagaan kecil dan pihak pengurusannya memerlukan maklumat yang terkini, tepat dan cepat untuk terus kekal dalam dunia perniagaan (Lohman 2000). Walaupun perniagaan kecil tidak perlu menyediakan laporan kewangan tahunan kerana tidak melibatkan individu atau pihak lain, menggunakan sistem perakaunan yang baik sangat berfaedah kepada perniagaan terbabit. Ia akan membantu pengurusan inventori yang lebih cekap dan efisien. Jumlah inventori yang mencukupi akan mengelakkan kes kehabisan stok. Stok yang dikeluarkan untuk kegunaan peribadi yang tidak direkod akan menyebabkan pengiraan kos jualan yang salah. Jika tidak diasingkan jualan akan menjadi lebih besar daripada yang sebenarnya kerana ia termasuk barangan yang diambil untuk kegunaan pemiliknya.

Rekod perakaunan yang terperinci juga akan membolehkan perbelanjaan dapat dikawal dengan lebih baik. Pembayaran hutang juga dapat dirancang. Ini akan membantu peniaga memastikan jumlah wang yang cukup untuk memenuhi keperluan perniagaan. Jadual pembayaran hutang kepada pembekal yang baik akan memudahkan peniaga mendapatkan pembelian kredit yang lebih besar atau diskaun yang lebih tinggi. Manakala, rekod pembayaran gaji yang tepat juga akan memudahkan pengiraan caruman wang simpanan kumpulan pekerja. Kesimpulannya, peniaga yang merekod semua urusan dengan betul akan lebih mudah menguruskan hal-hal kewangan perniagaannya di samping membuat perancangan perniagaan yang lebih baik.

PERNYATAAN MASALAH

Hampir semua peniaga di kawasan Jengka adalah usahawan bumiputra. Oleh itu, mereka memainkan peranan yang penting dalam dunia perniagaan di Jengka ini. Kemajuan dan pembangunan kegiatan ekonomi di sini banyak bergantung kepada kejayaan mereka menjalankan perniagaan. Jika mereka berjaya, dunia perniagaan akan berkembang lebih pesat dan lebih banyak peluang pekerjaan dapat disediakan kepada warga Jengka. Ia juga akan memberi faedah kepada pihak pengguna. Lebih banyak perkhidmatan dan barangan keperluan dapat ditawarkan. Justeru itu, adalah diharapkan peniaga-peniaga kecil ini berjaya dalam perniagaan masing-masing, terus berkembang dan kekal berdaya saing. Salah satu cara untuk memastikan mereka tidak gagal adalah pengurusan rekod kewangan yang lengkap. Ini mudah untuk dicapai sekiranya mereka menggunakan sistem perakaunan.

Tidak banyak yang kita tahu tentang cara pengurusan rekod kewangan peniaga-peniaga kecil ini. Tetapi apa yang ketara tidak banyak perubahan yang berlaku kepada perniagaan mereka. Keadaan perniagaan di sini nampaknya adalah pada tahap yang sama berbanding pada tahun lepas. Kenapa ia begitu lambat berkembang? Mungkin mereka menguruskan kewangan tanpa menggunakan sistem perakaunan. Apakah sikap dan tanggapan mereka terhadap perakaunan? Apakah ciri-ciri perakaunan yang baik dan sesuai untuk perniagaan kecil? Adakah peniaga-peniaga di Jengka ini mengukur dan merekod urusanniaga menggunakan sistem perakaunan? Jika ya, apakah ia menepati ciri-ciri perakaunan yang baik? Ini adalah antara persoalan yang cuba dibincangkan dalam kertas kerja ini.

OBJEKTIF KAJIAN

Kertas kerja ini bertujuan untuk mengenalpasti penggunaan perakaunan di kalangan pemilik perniagaan di sekitar kawasan Jengka. Seterusnya kajian ini diharapkan akan dapat mencapai objektif-objektif berikut:

1. Mengetahui sikap dan tanggapan mereka terhadap perakaunan.
2. Mengenalpasti kaedah yang digunakan untuk mengukur dan merekod urusanniaga mereka.
3. Mengenalpasti jurang di antara kaedah yang digunakan dengan sistem perakaunan yang lengkap.

REKABENTUK DAN METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan kajiselidik untuk mendapatkan data-data yang diperlukan. Kajiselidik ini mengandungi tiga bahagian utama. Bahagian pertama adalah untuk maklumat demografi seperti umur, jantina, jenis perniagaan atau pekerjaan dan tahap pendidikan. Dalam bahagian kedua pula responden akan memberikan jawapan 'ya' atau 'tidak' untuk menentukan samada ciri-ciri atau kaedah perakaunan wujud dalam perniagaan mereka. Bahagian ketiga mengandungi enam kenyataan berkenaan pendapat mereka terhadap perakaunan. Skala Likert digunakan untuk respon mereka di mana '1 untuk setuju', '2 untuk kurang setuju', '3 untuk kurang pasti' '4 untuk tidak setuju'.

Borang kajiselidik diedarkan kepada peserta Kursus Kemahiran Perakaunan Secara Praktikal yang diadakan pada bulan Jun 2004. Mereka dipilih kerana penglibatan langsung mereka dalam perniagaan kecil sebagai pemilik perniagaan sendiri, membantu perniagaan keluarga atau bekerja dengan perniagaan di kawasan Jengka. Ini bertujuan untuk mendapatkan maklumat daripada responden yang bukan sahaja terlibat dalam perniagaan tetapi juga berminat untuk mempelajari perakaunan.

Enampuluh borang kajiselidik telah diedarkan mengikut bilangan peserta yang dijangka mengikuti kursus tersebut tetapi hanya empat puluh enam peserta menghadiri kursus ini. Hanya empat puluh soalselidik yang telah diisi dengan lengkap. SPSS 12.0 digunakan untuk menganalisa data-data yang diperolehi daripada kajiselidik ini. Selain borang kajiselidik, maklumat juga diperolehi daripada peserta melalui perbincangan secara tidak formal untuk mengenalpasti amalan perakaunan mereka.

ANALISA DATA

Empat puluh kajiselidik yang telah diisi dengan lengkap oleh responden terdiri daripada 47.5% atau 19 responden lelaki dan 52.5% atau 21 responden perempuan. Saiz sampel yang kecil menyebabkan perbandingan antara jantina daripada segi tahap pengetahuan perakaunan dan sikap mereka terhadap

perakaunan tidak dapat dibuat. Kebanyakan responden iaitu 72.5% mewakili pemilik dan pengurusan perniagaan kecil sama ada sebagai pemilik atau membantu mengusahakan perniagaan keluarga. Responden-responden lain bekerja di syarikat dan perniagaan di sekitar Jengka. Majoriti responden berusia antara 20 hingga 39 tahun. Hanya sebilangan kecil berumur melebihi 56 tahun. Ini menunjukkan mereka mungkin akan terus bergiat dalam dunia perniagaan untuk satu tempoh yang panjang di masa hadapan.

Di antara ciri-ciri sistem perakaunan yang baik dan sesuai untuk perniagaan kecil adalah satu sistem yang mudah untuk digunakan, mudah dipelajari dan difahami, tepat dan fleksibel. Ia juga patut mengambil masa yang pendek untuk digunakan dan kos yang rendah di samping memberikan maklumat yang cepat. Amalan pertama yang perlu dilakukan adalah merekod semua urusanniaga dengan segera. Sebagai contoh urusanniaga-urusanniaga berikut perlu direkod pada setiap hari.

1. Jualan tunai dan penerimaan tunai.
2. Bayaran tunai dan cek.
3. Jumlah tunai di tangan di bank
4. Pelbagai sumber pendapatan
5. Kesilapan dalam rekod urusanniaga lepas yang dikesan

Kebanyakan urusanniaga harian perlu direkod di dalam buku tunai. Ia adalah rekod yang penting untuk mengelakkan penyelewangan oleh pekerja. Penyelewangan oleh pekerja sendiri bukan mudah untuk dikesan. Di Amerika Syarikat hanya lebih kurang 24% majikan dapat mengesan pekerja yang disyaki menyeleweng wang perniagaan (QuickBooks Survey 2003). Hasil analisa menunjukkan hampir 75% daripada responden ada menggunakan buku tunai. Sepuluh atau 25% responden lain langsung tidak mempunyai buku tunai. Walaubagaimanapun kesemua responden bersetuju urusanniaga perlu direkod segera dan ia perlu direkod mengikut maklumat pada dokumen sokongan seperti invois dan resit.

Kebanyakan responden ini merasakan tidak perlu menggunakan buku tunai kerana mereka akan mencongak jumlah wang yang digunakan dan perolehan harian mereka. Satu per empat daripada responden juga tidak mempunyai akaun bank untuk menyimpan hasil perniagaan mereka. Mereka menggunakan hasil perolehan harian untuk modal pusingan hari berikutnya. Ini menyebabkan mereka tidak dapat membuat perancangan keperluan wang untuk jangkamasa yang lebih panjang. Tidak hairanlah sekiranya perniagaan mereka akan kekal pada tahap yang sama dan sukar untuk berkembang.

Keputusan yang hampir sama juga diperolehi untuk fail resit, bil, invois dan dokumen lain yang diperlukan untuk membuktikan urusanniaga telah berlaku. 77% daripada responden mempunyai fail untuk menyimpan dokumen-dokumen ini. Tetapi mereka tidak pasti sampai bila resit-resit ini perlu disimpan. Hampir kesemua responden beranggapan invois perlu disimpan sehingga urusan pembayaran selesai. Dokumen seperti invois daripada pembekal perlu dirujuk untuk memantau akaun pembayaran. Akaun-akaun yang perlu dikemaskini setiap minggu atau bulan bergantung kepada jumlah urusanniaga adalah seperti di bawah;

1. Akaun Penerimaan-Penghutang
2. Akaun Pembayaran-Pemiutang, Diskaun-Bayar Awal.
3. Akaun Gaji Harian
4. Bayaran Lain

Akaun-akaun di atas perlu dikemaskini secara mingguan atau bulanan bertujuan untuk melindungi perniagaan daripada penyelewangan. Hampir semua responden bersetuju urusanniaga perlu direkod paling kurang pada setiap minggu. 95% juga bersetuju bahawa penyata penyesuaian bank perlu dibuat pada setiap bulan. Semua responden bersetuju bahawa perakaunan adalah penting, urusanniaga peribadi perlu diasingkan daripada urusanniaga perniagaan dan penyata perdagangan dan pendapatan perlu disediakan sekurang-kurangnya setiap tahun. Sekiranya pemilik perniagaan ingin mengetahui prestasi bulanan, penyata ini perlu disediakan pada setiap bulan untuk mendapatkan maklumat-maklumat berikut.

1. Jumlah urusanniaga tunai dan kredit yang dilakukan
2. Jumlah yang terikat dalam akaun penerimaan-stok dan penghutang
3. Jumlah kutipan dan kerugian daripada jualan kredit
4. Jumlah hutang kepada pemiutang dan pembekal
5. Jumlah perbelanjaan
6. Jumlah untung kasar
7. Jumlah untung bersih

8. Produk atau servis yang paling menguntungkan
9. Produk atau servis yang paling merugikan
10. Jumlah wang yang dilaburkan dalam stok

Keputusan analisa kajiselidik menunjukkan 13% responden tidak menyediakan penyata-penyata ini. Manakala 28% penyata kewangan disediakan oleh firma perakaunan dan 59% responden mempunyai staf yang akan menyediakan penyata ini. Ini menunjukkan lebih separuh responden mempunyai rekod yang diperlukan untuk mengira keuntungan dan menilai kedudukan kewangan mereka. Tetapi 82% daripada responden tidak merekod urusanniaga di dalam buku jurnal. Buku jurnal adalah buku catatan pertama yang digunakan untuk meringkaskan urusanniaga di mana butiran penting urusanniaga akan dicatat. Ia sangat berguna sebagai buku rujukan yang cepat dan tepat. Kebanyakan responden juga tidak mempunyai buku lejer. Buku lejer adalah buku catatan kedua. Urusniaga yang telah dikelaskan sebagai aset, liabiliti, perbelanjaan dan pendapatan akan direkod di sini. Akaun-akaun ini akan ditutup pada setiap bulan dan tahun. Imbangan duga yang disediakan untuk menyenaraikan baki-baki ini akan memudahkan penyemakan sebarang kesilapan dalam merekod urusanniaga sebelum penyata kewangan disediakan. Sekiranya buku-buku ini tiada, para pemilik perniagaan sukar untuk memastikan semua urusanniaga telah direkod dengan tepat dan betul.

KESIMPULAN

Dunia perniagaan tidak dapat lari daripada risiko. Modal dan pembiayaan yang terhad menuntut pemilik perniagaan kecil menguruskan kewangan perniagaan dengan teliti dan bijak. Pengurusan rekod kewangan melalui amalan perakaunan yang baik adalah langkah pertama ke arah pengurusan risiko perniagaan. Persaingan yang tinggi terutamanya daripada syarikat-syarikat yang lebih besar, kesan globalisasi seperti e-perniagaan dan penggunaan teknologi maklumat adalah faktor-faktor yang menyumbang kepada peningkatan risiko yang perlu dihadapi oleh peniaga-peniaga kecil di samping risiko-risiko seperti bencana dan kebakaran. Oleh itu, penggunaan sistem perakaunan sangat bermanfaat kepada usahawan-usahawan kecil kerana ia bukan sahaja membantu pengukuran prestasi dan kedudukan kewangan perniagaan tetapi ia juga akan membolehkan mereka mengawal risiko perniagaan.

Kajiselidik ini menunjukkan kemungkinan ramai perniagaan kecil di Jengka tidak menggunakan amalan perakaunan yang lengkap. Walaubagaimanapun mereka mengakui kepentingan menggunakan perakaunan kepada perniagaan mereka. Kebanyakan perniagaan kecil ini hanya menggunakan dokumen urusanniaga buku tunai dan akaun bank. Tiada catatan lengkap dibuat untuk sebarang urusanniaga. Cara ini perlu diperbaiki. Terdapat banyak lagi amalan-amalan perakaunan yang boleh digunakan dalam pengurusan rekod kewangan mereka. Hasil kajian ini akan memberikan input yang berguna kepada Fakulti Perakaunan UiTM Pahang, khususnya dalam merangka kursus-kursus untuk warga Jengka pada masa hadapan. Kemahiran dan tahap pengetahuan mereka tentang perakaunan akan dapat ditingkatkan melalui kursus-kursus tersebut.

Lebih banyak kajian terhadap perniagaan kecil boleh dibuat pada masa akan datang. Contohnya, kajian boleh dibuat untuk membandingkan mengenai sikap dan kesedaran pemilik perniagaan sederhana dan kecil terhadap perakaunan di antara kaum, penggunaan perisian perakaunan di kalangan industri sederhana dan kecil dan faktor-faktor yang menghalang mereka daripada menggunakan sistem perakaunan. Skop kajian juga boleh diperluaskan keseluruh negeri Pahang dan Malaysia. Mungkin kajian-kajian ini akan dapat merungkai masalah pengurusan rekod kewangan perniagaan kecil dan mengenalpasti perkara yang dapat membantu mereka bukan sahaja untuk berjaya kekal berdaya-saing, malah berjaya mengembangkan perniagaan.

RUJUKAN

- AAA. (1966). *A Statement Of Basic Accounting Theory*. New York. p1.
- Bressler, L.A. and Bressler, M.S. *Adoption of Modern Accounting Practices by Entrepreneurs*. University of Houston.
- Edwards, P and Edwards, S. (1994). *The Best Home Businesses For The 90's*. Putnam's Sons. 2nd Edition.
- Lazar, J. and Leng, T. L. (2003). *Company Accounts*. Prentice Hall. 5th Edition.

- Lohman, J.M (2000). *The Legal and Accounting Side of Managing a Small Business*. Ingrams, 26,21.
- Hite, P.A. (1998). *An Examination of Factors Influencing Financial Reporting Decisions of Small Business Owner-managers*. *Behavioural Research in Accounting*, 10, 159-179.
- Holmes, S. & Nicholas, D. (1988). *An Analysis of the Use of Accounting Information by Australian Small Businesses*. *Journal of Small Business Management*, 2, 57-58.
- Norwell, W.D. (1998). *Developing International Business*. *Journal of Property Management*, 63, 92-98.
- Roberts, M. L. (2003). *Requirements for a Good Accounting System Kansas City : SCORE*.
- Thong, J.K.L., Yap, C.S. & Raman, K.S. (1996). *Top Management Support, External Expertise and Information Systems Implementation in Small Businesses*. *Information Systems Research*, 7, 248-267.
- Welsh, J.A. & White J.F. *A small business is not a little big business*. *Harvard Business Review*, 59, 4, 18-32.
- _____ (2001). *Adopting an Accounting System : The Entrepreneur's Guidebook Series*. Patsula Media
- _____. (1999). *Companies Act and Companies Regulation*. MDC Publishers Printers Sdn Bhd. 19th Edition
- _____. (2003). *QuickBooks Small Business Survey*. California : Intuit Inc.